



Jabatan Pengairan dan Saliran diarah bertindak lebih proaktif

Kami sudah menyenarai kawasan-kawasan termasuk sungai yang perlu didalamkan."

AHMAD ZAHID HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri

PUTRAJAYA 8 Sept. - Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat yang bermesyuarat hari ini mahu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bertindak lebih proaktif dalam usaha mendalamkan sungai, parit dan terusan serta melebarkan muara sungai sebagai langkah awal menghadapi banjir.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi

berkata, Kementerian Kewangan juga akan memberi peruntukan tambahan bagi melaksanakan kerja-kerja pencegahan banjir yang telah dikenal pasti jabatan itu.

"Kami sudah menyenarai kawasan-kawasan termasuk sungai yang perlu didalamkan.

"Aktiviti-aktiviti pedalaman sungai membolehkan air banjir dialirkan dengan segera," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim.

Ahmad Zahid berkata, pengurusan bencana bukan sahaja meli-

batkan tindak balas terhadap banjir tetapi turut merangkumi skop pengurusan bencana yang lebih menyeluruh seperti pencegahan, persediaan menghadapi bencana serta pemulihan dan pembangunan semula.

"Prosedur standard operasi (SOP) pengurusan bencana akan diperkemas dan disesuaikan dengan situasi semasa," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid menjelaskan penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara tidak memerlukan penambahan jawatan baharu atau peruntukan kerana hanya menggunakan penjawat dan sumber sedia ada.

"Agensi baharu ini akan memainkan peranan penyelarasan di peringkat nasional, negeri, daerah dan kawasan sasaran," katanya.